



## **TEKS UCAPAN**

**YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM  
PERDANA MENTERI**

## **SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN PERSIDANGAN PEDI 2023**

**29 NOVEMBER 2023 (RABU) | 2.30 PETANG**

**PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA  
(PICC)**

*Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan Salam Sejahtera*

*Alhamdu lillaahil lazeee anzala 'alaa 'abdihil kitaaba wa lam yaj'al lahoo 'iwajaa, Wasallallah hu ala saidina Muhammad, wa'ala a'lihi wasabihi wassalim.*

**Saudara YB Fahmi Fadzil,**  
Menteri Komunikasi dan Digital;

**YB Teo Nie Ching,**  
Timbalan Menteri Komunikasi dan Digital;

**Datuk Mohamad Fauzi bin Md Isa,**  
Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Digital;

**Tan Sri Mohd Salim Fateh Din,**  
Pengerusi SKMM;

Tetamu-tetamu yang dimuliakan; dan

Yang pentingnya pengurus dan penolong PEDi seluruh negara.

1. Apabila kita memajukan dan meningkatkan transformasi digital, apa isu yang amat diprihatinkan atau membimbangkan kita? Yang disebut dalam ungkapan itu adalah *Digital Divide* – kesenjangan yang melebar di antara golongan kaya dan golongan lebih miskin. Itu kebimbangan yang ternyata.
2. Dalam proses pembangunan dan kemampunan negara MADANI, di antara hal yang ditekankan ialah memacu pertumbuhan namun menjamin rakyat yang kurang berpeluang, tersisih dan terpinggir jauh di pedalaman itu tidak ketinggalan.
3. Cabaran terbesar dalam proses pendigitalan ini adalah kesenjangan itu terus melebar, kerana kesempatan itu dimulai di peringkat kota atau bandar dan dikuasai oleh orang yang berpendapatan tinggi. Bukan kita semestinya rasa gusar tetapi kita bimbang sekiranya orang yang kurang bernasib baik itu tidak dapat bersaing bersama.
4. Dalam Kongres Keadilan baru-baru ini, saya membicarakan soal Michael Sander dalam bukunya yang bertajuk 'Tyranny of Meritocracy' yang membicarakan soal merit. Kalau kita mahu maju, kita harus mengiktiraf merit. Orang yang paling cemerlang harus diberi galakan,

orang paling pintar harus diberikan kesempatan tetapi keadilan itu bukan sahaja memberi pertimbangan kepada orang yang mempunyai merit tetapi menentukan supaya persaingan itu adil.

5. Seorang pemikir ekonomi terkemuka, John Ross berkata “*Justice is not just about equality or equal opportunities in competition but justice is about fairness.*” Sekolah di Kapit, pendalaman Sarawak atau Manek Urai di Kelantan atau Charok Kudung di Kedah hendak bersaing dengan sekolah terbaik itu sukar.
6. Oleh itu, tanggungjawab Kerajaan MADANI adalah memastikan sekolah-sekolah yang terpinggir itu diberikan dukungan supaya dapat ditingkatkan. Barulah persaingan itu dianggap adil. Kalau prinsip ini kita dapat terima, maknanya sementara merit itu ada, rasional untuk kita pertahankan.
7. Jangan kita terlalu ghairah atau obses mempertahankan sehingga kita lupa bahawa negara tidak mungkin dianggap adil kalau tidak ada peluang, kesempatan bagi yang tersisih atau terbiar untuk bersaing dengan adil.

8. Saya menjawab perkara ini kerana kita menerima banyak kritikan. Mengapakah terdapat program untuk membantu golongan miskin apatah lagi dalam program hak keistimewaan Melayu dan Bumiputera? Mengapa saya tingkatkan peruntukan untuk Sabah dan Sarawak?
9. Dalam belanjawan yang saya bantangkan di Dewan Negara tadi, saya menyebut bahawa belanjawan untuk pembangunan Sabah Sarawak itu jauh lebih tinggi daripada negeri-negeri Semenanjung kerana kenyataan menuntut kita berbuat begitu – kemudahan-kemudahan asas di sana tidak diperolehi.
10. Jalan di Sabah itu berlubang dan tidak disediakan kemudahan yang baik. Tentunya peruntukan untuk jalan termasuk Lebuh raya Pan Borneo itu lebih tinggi daripada jalan di Selangor. Walaupun terdapat beberapa tempat di Selangor yang jalannya itu masih berlubang tetapi peruntukan yang diberikan tidak sama.
11. Saya nak sebut di sini kerana apa kaitannya dengan transformasi digital? Maksudnya sementara kita memberi asakan baharu, tunjang pembangunan tidak boleh mengenyepikan kepentingan digital tetapi kita harus waspada dengan bahaya dan kesan negatif kalau ia tidak

membantu mengangkat martabat rakyat yang kurang bernasib baik kerana kemudahan itu diurus kepada satu daerah di tempat dia.

12. Dalam soal digital ini, kebetulan semua pengusaha dan pemilik syarikat-syarikat telekomunikasi besar ada disini. Saya ingin menggesa selain yang dilakukan oleh PEDi, MCMC, Kementerian, saya mahu syarikat-syarikat telekomunikasi dengan asakan baharu, peluang-peluang baharu memberikan tumpuan yang lebih supaya agenda pembangunan ini bukan sahaja kecanggihan teknologi tetapi membantu rakyat termasuk melalui PEDi ini supaya kemudahan tidak hanya diperoleh melalui MCMC ataupun Kementerian tetapi oleh syarikat-syarikat Telekomunikasi yang berkembang maju pada hari ini.
13. Dengan cara yang sedemikian, kita memaknai apa itu keadilan dan MADANI. Yakni, kita angkat martabat negara dari sudut transformasi digital tetapi kita juga harus memastikan kemudahan itu meluas ke semua peringkat. Itu mukadimahnyanya.
14. PEDi ini merupakan satu strategi yang sangat penting dan kita harus memastikan ia lebih berhasil dan disebabkan itu saya mengumumkan seperti mana disebut saudara YB

Fahmi Fadzil tadi, kegiatan PEDi ini harus diperluaskan daripada yang ada sekarang dan harus ada di setiap Pusat Dewan Undangan Negeri di negara kita.

15. Jadi keluarga PEDi itu akan menjadi lebih besar. Kita mulakan dengan peruntukan RM25 juta dan sekiranya perlu ditambah, saya akan ikhtiar untuk tambah peruntukan. Saya tahu sebagai Menteri kewangan atau Perdana Menteri, apabila umum peruntukan mesti orang akan tepuk tetapi kalau disuruh buat kerja, dia tak senyum.
16. Negara kita sekarang ini, penyakit diabetes atau kencing manis adalah nombor satu di Asia. Jadi saya cadangkan supaya kurangkan minum gula. Dia tak senyum. Saya kata senyuman manis itu lebih manis daripada gula. Sebab itu lagu-lagu Melayu dahulu memang dipopularkan perkataan manis itu – “Manis manis manis bukannya gula sayang, manislah lagi senyummu puan.”
17. Apabila saya duduk di tepi YB Teo Nie Ching tadi, saya minum kopi saya tidak letak madu kerana apabila saya tengok dia senyum, saya pun minum kopi tanpa gula (nada seloroh).

18. Sekarang ini kita mengucapkan tahniah kepada Kementerian dan MCMC kerana memberikan galakkan dan dorongan dan saya terharu kerana apabila nampak saudara-saudara terutamanya anak muda yang terlibat dalam PEDi ini begitu bersemangat dan *enthusiastic*, ini menjadi semangat kepada kami untuk memberikan dukungan yang lebih kepada PEDi, baik usahawannya, baik panel penasihatnya, baik penolongnya.
19. Saya telah berbincang dan mendapatkan maklumat daripada Menteri. Ini yang bunyi bersemangat ini pengurus-pengurusnya. Saya sebut gaji dan elaunnya berapa? Mereka juga terlibat dalam perniagaan dan ada yang mencatat keuntungan besar. Jadi gaji itu seperti elaun kecil sahaja, ada ruang yang lain yang mereka boleh perolehi.
20. Oleh yang demikian, kerana pertama, transformasi digital ini menjadi di antara tunggak dalam Strategi Ekonomi MADANI. Keduanya, melihat prestasi pengurus yang berjaya, baik, berdedikasi dan memberi manfaat kepada masyarakat dan komuniti di sekelilingnya.



21. Seterusnya saya nak tambah beban anak-anak supaya setiap PEDi itu dipantau dan membuat laporan supaya dapat menjurus kepada kelompok yang lebih luas terutama anak-anak muda sekolah. Latihan dan memperkenalkan kepada mereka pelbagai aplikasi dan kecanggihan dalam bidang ini. Kalau setuju dengan perkara ini saya boleh umumkan tambahan.
22. Adakah anak-anak setuju kalau saya bagi tugas tambahan? Bunyi tidak meyakinkan, jadi saya tangguh pengumuman. Saya nak tanya sekali lagi betul setuju untuk saya tambah tugas di PEDi ini? Kalau setuju, kita tingkatkan elaun mereka dari RM2000 naik ke RM2500 dan kepada penolong dari RM1500 naik kepada RM2000.
23. Saya lihat anak-anak di sini punyai peranan yang besar. Kita hendak mengangkat semula martabat negara kita. Malaysia ini mempunyai potensi yang besar. Semalam semasa saya di Kuching, Sarawak, kita lihat banyak bidang di negeri Sarawak itu lebih ke depan. Contohnya, bidang digital, EV, hidrogen dan *renewable energy*.
24. Kita lihat umpamanya rencana Kerajaan untuk menambah program Hi-Tech di Kerian, Perak kerana pelaburan yang datang itu lebih menggalakkan. Anak-

anak harus tahu, pada tahun ini sahaja, Syarikat dari Jerman, satu syarikat bernama Infineon yang membuat cip mikro dan cip komputer, dahulunya mereka membuat *backend*, sekarang mereka telah menjadikan Malaysia sebagai hub penting dan Malaysia adalah negara pertama luar daripada Jerman untuk menambah dan meningkatkan mutu teknologi tinggi *frontend* iaitu mengeluarkan cip mikro *frontend* dengan pelaburan EUR5 bilion atau RM25 bilion.

25. Di Amerika Syarikat, semua yang ada kaitan dengan saudara-saudara, baik Elon Musk – Starlink, Space X atau Tesla, Google, Tiktok, semuanya menemui saya, dalam perbincangan dan semuanya bersetuju untuk masuk dan menambah pelaburan yang lebih tinggi di Malaysia.
26. Tentunya di Arab Saudi, UAE. Pusat data yang besar mungkin mencecah hampir USD10 bilion dan itu akan diselenggarakan oleh Syarikat dari Arab, UAE, Abu Dhabi dengan Khazanah Nasional di Malaysia.
27. Bagi negara China adalah yang paling terbesar iaitu di Tanjung Malim. Kita adakan *Automotive City*, Projek Geely-Proton iaitu pengeluaran kenderaan umumnya dan

kebanyakannya motokar adalah yang tertinggi luar daripada negara China. Terdapat keupayaan mereka untuk mengeluarkan Geely-Proton sebanyak 500,000 unit, sebahagian besarnya untuk eksport.

28. Saya sebut hal-hal ini selain daripada banyak pelaburan lain ialah kerana sistem politik negara kita ini stabil. Rakyat dari pelbagai kaum kini hidup dengan aman. Saudara-saudara di sini tahu akan keperluan kita. Jika mahu selamatkan negara ini, politik itu mesti stabil. Rakyat harus menerima.
29. Betul majoritinya Melayu bumiputera dan umat Islam tetapi kita santuni semua kaum, semua penganut agama lain sebagai keluarga besar Malaysia yang aman dan sama-sama bekerja mengangkat martabat negara ini.
30. Saya mahu anak-anak di sini faham mengapa hal ini penting? Orang melabur di negara kita kerana keyakinannya dengan politik yang stabil, negara yang aman, mempunyai dasar yang jelas, pelaburan bagaimana nak mempercepatkan, perubahan bukan sahaja di kalangan pimpinan politik, penjawat awam, syarikat-syarikat swasta tetapi yang paling penting ialah tenaga kerja mahir.

31. Saya sebut keupayaan tadi baik syarikat Infineon, Geely atau syarikat-syarikat IT yang besar-besar. Dalam pertemuan itu, saya tidak hanya membincangkan perkara biasa atau formal. Saya bertanya dan berterus terang, *what is your problem? you have been here sometimes and your company stayed here for decades, tell me, what do you require? what need to be done further? They are happy with politics, with the policies. Sometimes they expect us to ensure that the process of approval must be accelerated. Then I ask. What is then the problem of your suggestion?* Semua mengatakan bahawa tenaga latihan kita teknokrat, kita profesional, lulusan TVET dan lulusan kejuruteraan semua memuaskan. Disiplinnya dan etika kerjanya juga tetapi apa yang kurang? Yang kurang ialah kemahiran tambahan, *the niche* dari segi teknologi, *engineering*, IT dan dari segi teknologi digital.
32. Inilah cabaran kita anak-anak. Tadi di Dewan Negara saya sebut lulusan TVET itu 97% telah mendapat pekerjaan. Majoriti gaji hanya RM 2,000 sebulan. Saya kata ini tidak memuaskan. Maka lebih 40 TVET bekerjasama, sinergi dengan PETRONAS, GLC dan syarikat swasta. Kalau ada latihan tambahan, gaji dia tidak lagi RM 2,000 tetapi meningkat RM3000 hingga RM5,000.

33. Jadi hala tuju strategik PEDi ini harus juga mengambil kira, *the extra mile*. Jangan hanya berpuas hati dengan apa yang kita lakukan tetapi dalam sasaran latihan untuk 10,000 usahawan ini mesti kita tambah kemahiran, kecanggihan, kepintaran dan keterampilan mereka terutama dalam platform e-dagang.
  
34. Ya kita berhasil mendapat RM30 juta tetapi mengapa tidak boleh tingkatkan jadi RM300 juta? Ini adalah kemahiran yang diperlukan. Kemudian tentunya kita ada sasaran untuk menambah jumlah lebih besar. Setakat ini, 6000 bakat yang memperolehi pensijilan yang diiktiraf, tetapi sekarang ini kita tidak hanya berfikir satu sijil. Ia harus mempunyai peningkatan sijil tertinggi yang kian canggih kerana apabila ditanya syarikat Infineon dan Geely, semua menyatakan bahawa *we require an additional expertise level*.
  
35. Syarikat Geely apabila melihat lulusan TVET dan jurutera, mereka amat berpuas hati untuk bekerja tetapi untuk menambah keupayaan mereka, keterampilan mereka, 300 TVET dibawa ke negara China untuk latihan tambahan.

36. Pertanyaan saya ialah syarikat-syarikat telekomunikasi yang ada harus melihat ke bidang ini untuk membantu dan saya minta Tan Sri Mohd Salim Fateh Din mungkin dapat membantu menyelaraskan satu aspek – *expertise and specialization that is required*. Ini *target* kita.
37. Saya tahu PEDI ini tidak semestinya menempuh bidang ini tetapi dari ramai yang terlibat sudah boleh mengenal pasti orang-orang yang boleh diberikan latihan yang khusus, yang boleh meneroka ke alam pekerjaan dan teknologi baharu.
38. Jadi syarikat-syarikat telekomunikasi patut menyelaraskan untuk melihat satu bidang *expertise*, kemahiran dan kepakaran baharu yang boleh ditingkatkan. Sekarang ini telah ada e-pembelajaran dan penyertaannya sebanyak 10 ribu orang. Saya tak nafikan ini boleh diteruskan dan ditambah lagi kerana memenuhi bidang STEM dan revolusi industri 4.0 tetapi yang saya hendak tekankan di sini, apabila berbincang dengan semua syarikat besar ini, semuanya menyebut kepada saya tentang perkara itu.

39. Jadi saya fikir mengapa tidak boleh kita tingkatkan? Sebab itu apabila saya melawat Mohamed bin Zayed University of Artificial Intelligence, *first university in the world specialized in Artificial Intelligence* dan mereka memanggil kepakaran terbaik dari satu dunia. Jadi, saya balik dan saya kata kalau begitu, kita pun kena buatlah. Tetapi kalau nak buat sebuah universiti untuk *Artificial Intelligence* sahaja mungkin belum bersedia. Kita mulakan dengan Fakulti, maka kita minta UTM menyegerakan permulaan Fakulti *Artificial Intelligence*.
40. Saudara-saudara semua mempunyai kepakaran dan kemahiran mengenai *cashless society*, e-pembelajaran dan memperluaskan skop penggunaan transaksi tanpa tunai, saya minta untuk meneruskan *and I have full confidence in your commitment level*. Terima kasih banyak.
41. Saya mahukan daripada persidangan ini ialah komitmen bersama oleh syarikat-syarikat Telekomunikasi untuk membantu melalui TVET dan juga PEDi yang agak khusus dalam bidang IT ini iaitu untuk meningkatkan lagi *expertise* dan *specialization* yang ternyata kurang di kalangan kita.

42. Jadi sekali lagi, saya ucap terima kasih dan tahniah kepada Kementerian dan MCMC serta tahniah kepada saudara yang mendapat elaun tambahan tadi. Saudara YB Fahmi Fadzil kata nak bagi mulai bulan Januari tahun depan tetapi cadangan awal saya umumkan mulai bulan April. Akan tetapi, saya boleh tengok semangat dan komitmen yang begitu baik daripada saudara-saudara. *“You guys are smart, pandai menawan hati saya.”*
43. Terima kasih banyak dan saya doakan mudah-mudahan kalau anak muda seperti ini, yang ada disiplin, nilai, akhlak dan faham tanggungjawab bersama bahawa dunia ini bukan untuk cari harta dan kekayaan tetapi dunia ini juga untuk berkhidmat, ada ihsan.
44. Yang berjaya, yang elaunnya, yang gajinya dan keuntungannya sampai berpuluh-puluh ribu, *always remember that you started and you are able to succeed because there was this assistance out of compassion.*
45. Saya masih ingat kenapa saya betul-betul dan bertekad untuk berkhidmat lebih? Kerana saya tidak fikir saya boleh menjadi begini kalau tidak ada ibu bapa yang berkorban begitu banyak, guru-guru yang luar biasa, berdedikasi yang bekerja jauh lebih daripada waktu yang



ditetapkan. Semasa saya di Kolej Melayu Kuala Kangsar umpamanya, ada seorang cikgu yang habis bekerja pukul 2.00 petang tetapi ada *night duty*. Dia tidak diberikan elaun pada masa itu tetapi kerana komitmen dan dedikasi beliau, ini yang disebut bukan sahaja *compassion but commitment and passion* untuk bekerja dengan begitu baik.

46. Kemudian semasa saya susah dan menderita masuk keluar penjara, kena pukul segala macam, ramai yang menunjuk simpati dan bantu. Jadi sekarang apabila dalam keadaan begini, gunakanlah kuasa dan peluang sebaiknya untuk membalas budi baik orang ramai.
47. Kepada anak-anak, saya harap begitu, tidak mungkin ada kejayaan tanpa ibu bapa yang memberikan kasih sayang, guru-guru yang memberikan pendidikan asas dan peluang-peluang daripada Jabatan serta kemudahan-kemudahan.
48. Maka yang lebih berhasil, kerjalah dengan *passion*, kesedaran, ihsan, rahmah, *compassion* dan ada kasih sayang. Siapa sahaja jiran kita baik Melayu, Cina, Iban, Bidayuh atau Kadazan, yang jiran kita tu jiranlah dan komuniti itu komuniti kita, maka bantulah sedaya upaya

untuk menjadikan Malaysia ini sebuah negara damai. Kalau dengan komitmen ini, saya yakin, beri kita 2-3 tahun lagi, Insya-Allah, kita angkat semula martabat Malaysia sebagai negara yang hebat.

49. Terima kasih dan dengan lafaz “Bismillahir Rahmanir Rahim”, saya dengan segala sukacitanya merasmikan Persidangan PEDI MADANI 2023.